

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 13/03/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 33

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 13 MAC 2017

DALAM NEGERI 33

Koperasi sekolah sasar perolehan RM500 juta

Oleh RADHUAN HUSSAIN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 12 MAC

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan lebih 2,300 koperasi sekolah di seluruh negara dapat membuat perolehan kira-kira RM500 juta tahun ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jumlah yang disasarkan itu mencatatkan peningkatan berbanding perolehan koperasi sekolah pada tahun-tahun sebelumnya.

Beliau menjelaskan, pada sepanjang tahun 2015, koperasi sekolah di seluruh negara mencatat perolehan berjumlah RM338.9 juta manakala untuk enam bulan pertama tahun lalu, sebanyak RM245.1 juta.

"Pada masa ini terdapat sebanyak 2,349 buah koperasi sekolah di seluruh negara yang mampu memberi manfaat dan perkhidmatan kepada kira-kira dua juta ahlinya," katanya selepas Program Khas ALK Dalam Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Melaka dan Sesi Dialog Bersama Presiden Angkasa di Hotel Tanjung Vista, di sini hari ini.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kiri) menyatakan sesuatu kepada Norsiah Ab. Rahman (tiga dari kiri) sambil diperhatikan ahli koperasi dalam Program Khas ALK Dalam Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Melaka dan Sesi Dialog Bersama Presiden Angkasa di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

Yang turut hadir Pengurus Gabungan Koperasi Sekolah-Sekolah Negeri Melaka Berhad, Norsiah Ab. Rahman.

Beliau percaya sasaran perolehan tahun ini dapat dicapai setelah mengambil kira faktor penambahan koperasi sekolah baharu selain penglibatan aktif dalam pelbagai bidang perniagaan.

Menurutnya, ia turut didorong komitmen Angkasa ke arah penggabungan kesemua koperasi yang terdapat di 89 sekolah teknik dan vokasional di seluruh negara yang dijangka mula dilaksanakan pertengahan tahun ini.

"Kita yakin, dengan pembangunan koperasi sekolah teknik dan vokasional di bawah satu bumbung akan membantu men-

ingkatkan lagi jumlah perolehan yang disasarkan tahun ini," katanya.

Dalam perkembangan sama, pihaknya juga akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan untuk mempertimbangkan agar semua kantin sekolah di seluruh negara diuruskan oleh koperasi sekolah masing-masing.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia